

23/04/1999

Kata pendahuluan

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad

KAJIAN Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh akan dikenang sebagai tempoh sukar yang mana ekonomi negara menghadapi pelbagai rintangan akibat daripada kelembapan ekonomi yang dihadapi pada 1998. Tempoh ini juga akan diingati kerana langkah-langkah luar biasa yang diambil dan kesediaan sektor awam dan swasta menerima perubahan dasar yang sesuai untuk pemulihan ekonomi.

Rancangan Malaysia Ketujuh dilancarkan pada 1996, sewaktu ekonomi berkembang pesat dengan asas yang kukuh, mencapai pertumbuhan pada kadar purata sebanyak 8.5 peratus setahun sejak 1990. Rancangan definitif ini adalah gabungan pragmatik yang mengandungi strategi dan program pembangunan baru dan yang sudah terbukti keberkesanannya bagi membawa Malaysia ke abad 21 dengan jayanya. Strategi yang dirangka ini bertujuan meningkatkan keluaran, kecekapan dan daya saing bagi mengekalkan pertumbuhan pesat serta memastikan pembangunan seimbang dan pengagihan faedah yang saksama di kalangan rakyat Malaysia, antara negeri-negeri dan penduduk bandar dan luar bandar. Selepas prestasi ekonomi yang memberangsangkan bagi tempoh dua tahun pertama Rancangan, ekonomi negara terjejas pada 1998 akibat krisis kewangan bermula pada Julai 1997.

Krisis yang menjejaskan rantau Asia Timur ini bermula berikutan aktiviti spekulatif dana lindung nilai, yang memberi keuntungan berlebihan melalui aliran modal jangka pendek secara besar-besaran dan pada masa sama, ia mengakibatkan mata wang di rantau Asia Timur ini menjadi sangat tidak stabil. Malaysia juga tidak terkecuali daripada penularan kesan krisis serantau ini. Krisis ini memaksa Kerajaan mengambil beberapa langkah tegas bagi memastikan kestabilan negara tidak terus terjejas. Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) ditubuhkan pada 7 Januari 1998 dan Pelan Pemulihan Ekonomi Negara (PPEN) disediakan dan dilancarkan pada 23 Julai 1998. Di samping digubal sebagai tindakan bagi mengatasi krisis ekonomi semasa, PPEN juga menyediakan rangka kerja komprehensif untuk menangani isu-isu struktural dan jangka sederhana. Langkah ini mengandungi tindakan yang pragmatik dan digubal bagi menyelesaikan isu-isu kritikal yang dihadapi oleh negara dan ini memerlukan komitmen sepenuhnya bukan saja daripada kerajaan tetapi juga seluruh lapisan rakyat Malaysia daripada semua golongan bagi memastikan kejayaan pemulihan ekonomi.

Berasaskan latar belakang ini, Kajian Separuh Penggal 1996-2000 menilai kemajuan pembangunan ekonomi negara bagi tempoh tiga tahun pertama Rancangan 1996-1998, halangan yang dihadapi dan langkah yang diambil untuk mengatasi isu-isu yang menjejaskan pertumbuhan. Dokumen ini juga meneliti prospek bagi tempoh akhir Rancangan serta mencadangkan strategi yang diubah suai untuk mempercepatkan pencapaian Dasar Pembangunan Nasional (DPN) dan status sebagai negara maju seperti dihasratkan dalam Wawasan 2020.

Kerajaan akan meneruskan tanggungjawab dan komitmennya bagi memastikan persekitaran ekonomi, sosial dan politik yang kondusif untuk membolehkan semua rakyat Malaysia menyertai dan berkongsi faedah pembangunan ekonomi. Pada masa yang sama, sektor swasta, pengguna dan setiap rakyat perlu memainkan peranan masing-masing bagi mempertingkatkan permintaan domestik dan daya saing dan meningkatkan eksport serta mengurangkan import. Langkah-langkah akan diambil untuk mengembalikan keyakinan pelabur, memulihkan aktiviti ekonomi, dan meneruskan pembangunan sumber manusia serta menangani kemerosotan produktiviti, kecekapan modal yang rendah dan

tekanan inflasi, manakala sumber-sumber pertumbuhan baru akan dikenal pasti. Menyedari pentingnya sumber manusia dalam meningkatkan pertumbuhan ekonomi yang didorong oleh produktiviti, penawaran tenaga manusia yang mahir akan ditingkatkan, di samping penekanan kepada penyediaan akses kemudahan pendidikan dan latihan yang lebih baik serta pengukuhan mekanisme pasaran buruh.

Melalui usaha gigih negara, tanda-tanda pemulihan ekonomi sudah mula kelihatan. Sementara kita bersyukur di atas sokongan, disiplin, kesabaran dan perpaduan rakyat Malaysia dalam menghadapi tempoh kelembapan ekonomi yang menimbulkan kesusahan, kita hendaklah meneruskan usaha-usaha yang gigih bagi memastikan pemulihan ekonomi yang berterusan dan mengembalikan pertumbuhan yang pesat. Bagaimanapun, Malaysia masih terdedah kepada perkembangan serantau dan global. Mengambil iktibar daripada pengalaman yang lalu, kita akan terus bekerjasama dan berusaha membantu ke arah penyusunan semula struktur kewangan antarabangsa untuk memastikan kesan buruk ke atas ekonomi tidak lagi berulang.

Menjelang tempoh akhir Rancangan, kita juga akan mengakhiri pelaksanaan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua, 1991-2000. Oleh yang demikian, adalah amat penting kita menggandakan segala usaha dalam tempoh itu untuk memastikan objektif sosioekonomi tercapai sepenuhnya. Kejayaan kita akan membolehkan negara menyediakan asas yang kukuh untuk memasuki alaf dan menyediakan masa depan yang lebih cerah untuk generasi akan datang.

Pelbagai agensi kerajaan serta sektor swasta telah memberi sumbangan dalam penyediaan Kajian Separuh Penggal ini. Saya ingin merakamkan penghargaan kerajaan di atas sumbangan mereka, khususnya Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara serta Unit Perancang Ekonomi dan berharap kerjasama sedemikian akan diteruskan dan diperkukuhkan pada tahun-tahun akan datang.